

REDAH BANJIR SEBELAH BADAN

■ Mangsa bah hidap angin ahmar gagah diri bawa keluarga ke tempat selamat

Oleh Mohd Hasbi Sidek
hmetroshahalam@hmetro.com.my

Kapar

“Walaupun mengalami angin ahmar sebelah badan, saya terpaksa juga menggagahkan diri meredah air untuk berpindah selepas mendapat arahan daripada Ketua Kampung,” luah mangsa banjir dari Kampung Meru Tengah, Mohd Mislah Md Amin, 53.

Menurutnya, penyakit di alamnya itu akan bertambah teruk jika berada dalam cuaca sejuk apatah lagi jika terkena air, namun dia terpaksa menggagahkan diri membawa anak untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat, kelmarin.

“Ini kali keempat kami terpaksa berpindah ke tempat yang lebih selamat berikutan kawasan rumah kami berada di kawasan lembah. Bagaimanapun, saya bersyukur kerana semua anak isteri selamat”

Mohd Mislah Md Amin

Keluarga Mohd Mislah antara enam keluarga yang diarah berpindah ke Dewan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Meru berikutan banjir kilat melanda beberapa kawasan di Meru, di sini, kelmarin akibat hujan lebat kira-kira dua jam.

Antara kawasan lain yang dinaiki air ialah Kampung Haji Mat Sarip dan Kampung Bukit Kapar yang menyebabkan beberapa rumah penduduk dimasuki air.

Mohd Mislah berkata, hujan sejak jam 2 petang itu menyebabkan banyak barangan di rumahnya tidak sempat dialihkan ke tempat tinggi kerana air naik secara mendadak.

“Beberapa barang rumah seperti mesin basuh, peti ais, katil, serta motosikal tidak dapat diselamatkan dan kerugian dianggarkan berjumlah RM2,000.

“Ini kali keempat kami terpaksa berpindah ke tempat yang lebih selamat berikutan kawasan rumah kami berada di kawasan lembah. Bagaimanapun, saya bersyukur kerana semua anak isteri selamat,” katanya ketika ditemui Harian Metro.

Seorang lagi mangsa yang terpaksa dipindahkan Ahmad Maidin, 60, berkata, dia sekeluarga sudah membuat persediaan untuk menghadapi banjir berkenaan berikutan keadaan hujan sejak

MOHD Mislah bersama keluarganya yang terpaksa dipindahkan ke Dewan MPK.



beberapa hari lalu.

“Sejak hujan beberapa hari lalu, kami sudah menjangkakan air akan memasuki rumah, menyebabkan kami membuat persediaan awal walaupun terdapat beberapa perabot rumah tidak dapat diselamatkan.

“Saya bersyukur tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Saya harapkan pihak berwajib dapat mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengelak kejadian sama dari terus berulang kerana ia akan menyusahkan banyak pihak,” katanya.



PEKERJA kilang di Taman Meru Utama meredah banjir untuk pulang ke rumah.

JKM salur bantuan segera

Shah Alam: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Klang sudah menyalurkan bantuan segera kepada beberapa keluarga yang terjejas berikutan banjir kilat yang berlaku di sekitar Meru, kelmarin.

Menurut jurucakap JKM, sehingga kini terdapat enam keluarga seramai 21 orang sudah dipindahkan ke pusat pemindahan di Dewan Majlis Perbandaran Klang (MPK) Meru, Klang.

“JKM akan menyalurkan bantuan segera bagi meringankan beban mereka.

“Bantuan segera bagi bencana banjir ini seperti pakaian, kelengkapan diri, ma-


kanan, bantal, selimut dan tilam selain segala keperluan dan perkembangan semasa mangsa di pusat pemindahan akan sentiasa dipantau,” katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, JKM juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Pejabat Daerah Klang, Pejabat Kesihatan Daerah Klang, Polis Diraja Malaysia (PDRM), MPK dan ahli jawatan kuasa (AJK) Kampung Meru.

“Setakat ini, bantuan hanya disalurkan kepada mangsa yang berada di pusat pemindahan dan juga akan memantau mangsa lain,” katanya.



POKOK dan tiang elektrik di tepi Jalan Sungai Udang dipukul ribut, kelmarin.



MAHAESWARAN (kiri) membersihkan rumahnya yang dimasuki air ketika menyambut sambutan Deepavali, semalam.